

Pembangunan Insan Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Melalui Pendekatan *Lesson Study*: Satu Cabaran

Rabiatul ‘Aqilah Mohamad Ariffin¹ & Zanaton H Iksan¹

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
rabiatulaqilah1503@gmail.com, zanaton.iksan@ukm.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan - *Lesson Study* adalah salah satu daripada alat (*tools*) yang digunakan dalam pendekatan Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) sebagai usaha untuk meningkatkan nilai profesionalisme keguruan serta pembelajaran murid. Namun terdapat banyak cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan *lesson study* bagi memastikan nilai kemenjadian pelajar.

Objektif – Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti isu-isu yang dihadapi oleh guru-guru dalam pelaksanaan *lesson study* serta menyiasat perbezaan dapatan kajian tentang cabaran yang dihadapi oleh guru-guru dalam pelaksanaan *lesson study*.

Methodologi – Kajian ini dilakukan menggunakan pengkalan data Scopus serta carta alir PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses*) yang melibatkan proses pengidentifikasian, saringan, kelayakan, dan termasuk.

Dapatan – Sorotan literatur yang dilakukan mendapati bahawa terdapat sembilan buah kajian yang membincangkan tentang cabaran guru dalam *lesson study*. Terdapat beberapa cabaran besar yang dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu faktor sekolah (kekangan masa, bebanan kerja guru, dan sokongan daripada pentadbiran sekolah) dan faktor guru (pendekatan pengajaran, pengetahuan guru, kerjasama dalam berkolaboratif, serta estim sendiri).

Kepentingan – Sorotan kajian ini dapat menyerlahkan jurang kajian yang boleh dikaji pada masa akan datang mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru-guru dalam *lesson study* supaya langkah-langkah penambahbaikan dapat dilakukan secara keseluruhan dengan mengambil kira kesemua cabaran yang dihadapi oleh guru-guru. Implikasi kajian ini diharap dapat membekalkan sumber rujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, PPD, Bahagian Pendidikan Guru, serta pihak-pihak dalam pendidikan di Malaysia bagi melakukan penambahbaikan yang berterusan.

Kata Kunci: Cabaran Guru, Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP), Kajian Pembelajaran, Kemenjadian Pelajar, Pengajaran dan Pembelajaran

Human Development In The Teaching And Learning Process Through A Lesson Study Approach: A Challenge

ABSTRACT

Introduction - Lesson Study is one of the tools used in Professional Learning Community (PLC) in the effort to increase the value of teacher professionalism and student learning. However, there are many challenges faced by teachers in the implementation of lessons for students.

Objective - The objective of this study is to identify the issues faced by teachers in the implementation of lesson study as well as to investigate the differences in research findings on the challenges faced by teachers in the implementation of lesson study.

Methodology - This study was conducted using the Scopus database and also the PRISMA (Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses) flow chart which involves the process of Identification, Screening, Eligibility, and Included.

Findings - Literature review conducted found that there are nine studies that discuss the challenges of teachers in lesson study. There are several major challenges that can be divided into two categories namely school factors (time constraints, teacher workload, and support from school administration) and teacher factors (teaching approaches, teacher knowledge, cooperation in collaboration, and self-esteem).

Significance – This study can highlight the research gap that can be studied in the future on the challenges faced by teachers in the lesson study so that improvement measures can be done as a whole by taking into account all the challenges faced by teachers. The implications of this study are expected to provide reference sources to the Ministry of Education Malaysia, PPD, Teacher Education Division, as well as parties in education in Malaysia to make continuous improvements.

Keywords: Teacher Challenges, Professional Learning Community (PLC), Lesson study, Student Development, Teaching and Learning

Pengenalan

Lesson Study atau Kajian Pembelajaran berasal daripada perkataan Jepun iaitu ‘Jugyo’ yang bermaksud pembelajaran dan ‘Kenkyu’ yang bermaksud penyelidikan yang digabungkan menjadi satu perkataan iaitu ‘Jugyokenkyu’ (Iksan, 2017). Ini kerana amalan *Lesson Study* berasal daripada amalan guru-guru di Jepun yang telah dilakukan sejak lama lagi. Kaedah ini telah membuka mata seluruh dunia apabila ia menjadi salah satu faktor yang menyebabkan negara Jepun mendapat nilai tertinggi dalam *The Third International Mathematics and Science Study* (TIMSS) pada tahun 1995 berbanding Amerika dan German. Setelah itu, ia turut dipelajari dan diamalkan oleh seluruh dunia dalam pendidikan termasuklah Malaysia untuk meningkatkan kualiti pembelajaran dan prestasi para pelajar, serta meningkatkan nilai profesionalisme guru.

Sebagai tenaga pengajar dan pendidik, guru-guru turut bertanggungjawab terhadap pembangunan insan setiap pelajar. Oleh itu, profesionalisme seorang guru memainkan peranan yang penting dalam perkara ini, di mana ia dapat dibangunkan melalui kegiatan Lesson Study guru-guru. Hasilnya, keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dapat ditingkatkan (Supovitz & Turner, 2000; Ku Ahmad, 2005; Mahmood, 2008 ; Ghazali, 2010 dalam Ismail et al., 2020) dan nilai-nilai kemenjadian pelajar dapat diterapkan dengan lebih efektif. *Lesson Study* adalah usaha kolaboratif guru-guru serta pakar untuk menambah baik sesi pengajaran (Lee et al., 2017; Iksan, 2017) yang mengandungi empat proses iaitu mengenalpasti masalah, merancang strategi, melaksanakan kelas terbuka, dan membuat refleksi itu telah membantu dalam menjadikan pembelajaran murid lebih baik. Menurut kajian oleh Chong, Ghani, dan Abdullah (2017), peningkatan kemahiran menyelesaikan masalah dalam topik yang difokuskan dapat dilihat setelah pendekatan *Lesson Study* dilakukan.

Selain itu, ia juga turut memberi manfaat kepada guru dari segi peningkatan pengetahuan kandungan pedagogi (Pedagogical Content Knowledge), pengetahuan kandungan disiplin (Disciplinary Content Knowledge), kemahiran inkuiri guru, serta motivasi guru dari segi efikasi sendiri (Katz, 2014; Dogan, Pringle, & Mesa, 2016; Vossen et al., 2019). Pendekatan ini memberi kebaikan yang mutual antara guru dan pelajar. Namun cabaran yang dilalui oleh guru-guru perlu juga diambil kira dalam pelaksanaan amalan ini supaya sistem dan amalan dapat dirangka dengan lebih baik. Oleh itu, kajian sistematik ini mengumpulkan kajian-kajian mengenai cabaran guru-guru dalam melaksanakan Lesson Study bagi pelbagai mata pelajaran.

Pernyataan masalah dan persoalan kajian

Setelah beberapa tahun *Lesson Study* dijalankan, beberapa masalah masih menjadi isu sehingga ke hari ini. Antaranya ialah masalah kekurangan masa untuk melaksanakan (Ogegbo, Gaigher, & Salagaram, 2019; Kim et al., 2019), bebanan guru bertambah (Norashid & Hamzah, 2014; Mazlan, 2017), dan tahap pengetahuan kandungan pedagogi (PCK) guru yang rendah (Ogegbo, Gaigher, & Salagaram, 2019) membataskan keberjayaan amalan ini untuk berjalan lancar dan membuahkan hasil yang diinginkan. *Lesson Study* dilihat dapat memberikan banyak perubahan positif dalam pengajaran guru dan pembelajaran murid (Rochintaniawati et al., 2019; ÖZDEMİR, 2019), oleh itu adalah penting untuk mengenalpasti dan mengatasi isu yang timbul untuk meningkatkan kualiti pendidikan.

Persoalan bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Apakah isu yang dihadapi oleh guru-guru dalam pelaksanaan *Lesson Study* di pelbagai peringkat institusi?
- ii. Adakah terdapat perbezaan dapatan kajian tentang cabaran yang dihadapi oleh guru-guru dalam pelaksanaan *Lesson Study*?

Objektif kajian

Bagi menjawab persoalan kajian, objektif bagi kajian ini adalah:

- i. Mengenalpasti isu-isu yang dihadapi oleh guru-guru dalam pelaksanaan *Lesson Study* di pelbagai peringkat institusi.
- ii. Menyiasat perbezaan dapatan kajian tentang cabaran yang dihadapi oleh guru-guru dalam pelaksanaan *Lesson Study*.

Ulasan Kepustakaan

Terdapat pelbagai alat kolaboratif yang disenaraikan di bawah PLC, salah satunya adalah *Lesson Study* yang mempunyai kaedah dan kelebihannya sendiri. Berdasarkan kajian-kajian lepas, antara cabaran-cabaran yang dapat diperhatikan dalam pelaksanaannya adalah terdiri daripada faktor sekolah dan juga daripada faktor guru-guru yang melaksanakannya.

***Lesson Study* sebagai alat kolaboratif dalam PLC**

Lesson Study adalah salah satu daripada keseluruhan 21 alat kolaboratif (*tools*) dalam PLC, iaitu yang dikategorikan di bawah strategi Amalan Perkongsian Terbaik (*de Privatisation of Practice*) berdasarkan KIT PLC (KKM, 2019). Ia melibatkan sesi kolaboratif guru untuk menghasilkan pelan pembelajaran murid, melakukan pengaplikasiannya di dalam kelas sambil membuat pemerhatian terhadap pembelajaran murid, dan melakukan sesi refleksi serta menambah baik pembelajaran yang telah dilaksanakan berdasarkan pemerhatian yang dilakukan. Alat kolaboratif PLC ini memberi pelbagai kesan positif terhadap guru iaitu didapati terdapat peningkatan profesionalisme dalam kalangan guru-guru dari sudut perancangan PdP, kemahiran menguruskan kelas, tahap keyakinan diri untuk melaksanakan tugas, serta lebih positif terhadap proses PdP mereka (Ogegbo, Gaigher, & Salagaram, 2019). Kolaboratif guru dalam amalan *Lesson Study* turut mengurangkan budaya isolasi dalam kalangan guru-guru, yang juga turut meningkatkan motivasi dan keyakinan mereka untuk menggunakan pendekatan yang baru dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (Cajkler et al., 2014).

Cabaran Guru dalam pelaksanaan *Lesson Study* dari sudut faktor sekolah

Antara cabaran yang sering dihadapi oleh guru-guru dalam menjalankan *Lesson Study* adalah faktor masa pelaksanaan yang kurang mencukupi (Ogegbo, Gaigher, & Salagaram, 2019; Kim et al., 2019). Guru-guru terikat dengan tanggungjawab untuk menghabiskan silibus pembelajaran, menyemak tugas murid, aktiviti kokurikulum, dan sebagainya yang turut menyebabkan proses *Lesson Study* tidak begitu efektif. Oleh itu, tahap kepentingan komitmen-komitmen guru perlu dikenalpasti dan dikelaskan daripada yang paling penting kepada yang kurang penting. Kemudian fokus yang lebih banyak harus diberikan kepada komitmen yang lebih penting supaya masa dapat dibahagikan dengan lebih baik.

Tambahan lagi, pentadbiran sekolah yang bersifat autokratik juga menjadi penghalang untuk guru-guru mengutarakan idea dan cadangan mereka bagi menambah baik proses PdP

(Keong, Ghani, & Abdullah , 2018). Sifat pentadbiran sekolah yang kurang terbuka akan menyebabkan guru-guru menjadi kurang bersemangat untuk menjayakan amalan *Lesson Study*, lalu prestasi sekolah berkemungkinan akan lambat meningkat. Oleh itu, sumbangan buah fikiran oleh guru-guru untuk bersama-sama membantu pihak sekolah adalah amat penting untuk dialu-alukan bagi kebaikan semua pihak.

Cabaran Guru dalam pelaksanaan Lesson Study dari sudut faktor guru

Beberapa cabaran telah dikenalpasti melalui kajian-kajian yang telah dijalankan ke atas guru-guru yang menjadikan *Lesson Study* sebagai medium bagi menambah baik pembelajaran murid. Dari sudut guru, mereka berpendapat bahawa cabaran yang dilalui dari segi dalaman adalah mereka berasa tertekan akibat bebanan kerja yang bertambah. Guru-guru dibebani dengan tugas-tugas pengkeranian, latihan ko-kurikulum, jawatan-jawatan yang disandang, serta pengurusan hal-hal kebajikan dan disiplin murid yang mewujudkan kurangnya kesediaan guru bagi menjalankan amalan *Lesson Study* (Norashid & Hamzah, 2014; Mazlan, 2017) . Selain itu, wujudnya pemikiran negatif terhadap amalan ini kerana ia dikatakan tidak akan berhasil disebabkan kerajaan selalu akan bertukar kepada amalan baru sebelum *Lesson Study* menunjukkan kesan yang betul-betul memuaskan (Ade, 2014). Bebanan tugas yang bertambah setiap tahun juga menyebabkan sesetengah guru tidak mahu terlibat dan berasa tertekan untuk mempelajari ilmu baru (Norashid & Hamzah, 2014).


Di samping itu, ilmu pengetahuan tentang kaedah PdP yang bagus juga kurang dimiliki oleh sesetengah guru untuk dibincangkan dalam proses *Lesson Study* bersama ahli-ahli kumpulan mereka. Namun begitu, sesetengah guru tidak pula mahu berusaha sendiri untuk meningkatkan pengetahuan mereka sekiranya mereka kurang terdedah dengan ilmu pengetahuan yang mencukupi (Stigler & Hiebert, 2009 dalam Mazlan, 2017). Hal ini berbalik kepada isu dari segi peribadi seseorang guru untuk sentiasa melengkapkan diri mereka tentang ilmu pengetahuan terkini seiring dengan masa. Sekiranya guru tidak berkeinginan untuk melakukan perubahan, usaha untuk menambahkan tahap profesionalisme guru-guru tidak akan berhasil. Hal ini juga berkaitan dengan faktor motivasi daripada persekitaran. Menurut Settaraming, Rahman, dan Tahir (2012), semakin baik kepimpinan sesebuah sekolah, semakin baguslah usaha kolaboratif guru-guru yang dipimpin. Oleh itu, pentadbiran sekolah memainkan peranan yang penting dalam memberikan sokongan yang padu terhadap guru-guru supaya mereka tetap bermotivasi dalam amalan *Lesson Study* bagi melahirkan guru-guru yang berwibawa, dan seterusnya para pelajar yang berprestasi tinggi.

Methodologi

Kajian ini menggunakan kaedah carta alir PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses*) yang melibatkan proses 1) Pengidentifikasian (*Identification*), 2) Saringan (*Screening*), 3) Kelayakan (*Eligibility*), dan 4) Termasuk (*Included*) (Zainuddin & Iksan, 2019). Ia adalah satu kaedah yang sistematik bagi

melakukan kajian sorotan literatur yang sistematik iaitu berdasarkan bukti (*evidence-based*) mengikut set minimum item-item yang ingin difokuskan (PRISMA 2015). Kaedah pencarian dan pengumpulan artikel dilakukan melalui melalui pengkalan data Scopus dengan melakukan carian kata kunci yang berkaitan, serta menyisihkan artikel yang tidak mengandungi item yang diperlukan.

Dapatan Kajian



Rajah 1: Carta alir PRISMA bagi carian artikel mengenai cabaran guru dalam amalan Lesson Study bagi tahun 2011 hingga 2020.

Rajah 1 menunjukkan carta alir PRISMA dalam pencarian artikel jurnal yang melibatkan empat peringkat. Dalam peringkat Pengidentifikasian (*Identification*), carian dilakukan melalui pengkalan data Scopus dengan memasukkan kombinasi kata kunci seperti dalam rajah 1. Rekod carian yang didapati dalam peringkat Saringan (*screening*) adalah sebanyak 488 artikel yang seterusnya disaring lagi dalam peringkat Kelayakan (*Eligibility*). Sebanyak 437 set yang disisihkan termasuklah artikel yang ditulis selain daripada dalam

Bahasa Inggeris dan mempunyai tahun penerbitan pada 2010 dan ke bawah. Selain itu, penerbitan berbentuk kertas persidangan, kajian sistematik, buku, bab dalam buku, dan editorial turut disisihkan. Pengkaji juga menyisihkan kajian yang mengkaji sampel pelajar pendidikan pra-universiti dan kajian-kajian yang tidak mengandungi cabaran guru dalam pelaksanaan LS. Hanya 51 artikel yang tidak disisihkan, dan setelah melalui peringkat Termasuk (*Included*), akhirnya hanya sembilan artikel yang terpilih.

Jadual 1: Gambaran keseluruhan artikel berkenaan cabaran dalam *Lesson Study* mengikut nama pengkaji, subjek carian, sampel guru mengikut tahap pengajaran, dan metodologi.

Pengkaji	Dapatan						
	Subjek carian			Sampel (tahap pengajaran)		Metodologi	
	<i>Lesson Study</i>	<i>Pengajaran dan pembelajaran Cabaran guru</i>	Sekolah Rendah	Sekolah Menengah	Kuantitatif	Kualitatif	Kaedah Campuran
Wolthuis, van Veen, de Vries & Hubers (2020)	•	•	•		•		•
Jita & Ige (2019)	•	•	•	•	•		•
Ogegbo, Gaigher & Salagaram (2019)	•	•	•		•		•
ÖZDEMİR (2019)	•	•	•	•		•	
Bozkurt & Yetkin-Özdemir (2018)	•	•	•		•		•
Coenders & Verhoef (2018)	•	•	•		•		•
Kanellopoulou & Darra (2018)	•	•	•		•		•
Thephavongsa (2018)	•	•	•	•	•	•	
Holmqvist (2011)	•	•	•	•			•

Jadual 1 menunjukkan terdapat sembilan artikel yang ditemui berkenaan dengan cabaran guru dalam amalan LS. Hasil carian ini menunjukkan bahawa kajian berkenaan dengan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam amalan LS masih di tahap yang rendah dan terdapat ruang untuk pengkaji-pengkaji melakukan lebih banyak kajian berkenaan cabaran guru dalam LS. Gambaran keseluruhan kajian menunjukkan terdapat lima artikel yang melibatkan guru sekolah menengah, dua artikel melibatkan guru sekolah rendah, dan dua artikel melibatkan kedua-dua guru sekolah rendah dan menengah. Majoriti daripada artikel menggunakan metodologi berbentuk kualitatif iaitu tujuh artikel, manakala dua artikel menggunakan metodologi kuantitatif, dan tiada artikel yang menggunakan metodologi berbentuk campuran.

Perbincangan Kajian

Cabaran guru dalam amalan LS dapat dibahagikan kepada dua iaitu faktor sekolah dan faktor guru. Cabaran guru dari segi faktor sekolah adalah seperti kekangan masa dan bebanan kerja guru, manakala faktor guru adalah seperti sikap dan anggapan terhadap LS (Mon, Dali, & Sam, 2016). Oleh itu dapatan kajian ini dibahagikan mengikut kedua-dua faktor tersebut.

Cabaran dari faktor sekolah

Bagi menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu apakah isu yang dihadapi oleh guru-guru dalam pelaksanaan *Lesson Study* di pelbagai peringkat institusi, isu yang paling biasa didapati dalam kajian-kajian tentang cabaran dalam LS adalah berkenaan dengan masa yang kurang mencukupi (Lewis & Hurd, 2011). Dalam kajian Wolthuis et al. (2020) menyatakan bahawa *Lesson Study* (LS) memerlukan masa yang panjang bagi merangka pelan pembelajaran. Kajian Jita dan Ige (2019) juga menyatakan tentang cabaran dari segi masa iaitu kekurangan masa instruksional bagi sesuatu subjek menyebabkan LS kurang efektif. Contohnya dalam kajian tersebut, apabila guru mengaplikasikan pengajaran LS di dalam kelas, tidak semua pelajar dapat menunjukkan jalan kira di hadapan kelas serta di dalam buku tulis bagi menunjukkan hasil pembelajaran kerana masa yang suntuk.

Tambahan lagi, amalan LS secara keseluruhannya sukar diamalkan oleh guru-guru oleh kerana terikat dengan komitmen-komitmen lain seperti bebanan kerja guru, kekurangan guru subjek, dan komitmen profesional lain. Ia turut menyebabkan guru sukar untuk menentukan waktu pertemuan yang sama bersama ahli-ahli kumpulan kolaboratif mereka walaupun mereka bekerja dalam sekolah yang sama (Mon, Dali, & Sam, 2016; Ogegbo, Gaigher & Salagaram, 2019 ; Kanellopoulou & Darra, 2018; Holmqvist 2011). Kajian Mon, Dali, dan Sam (2016) menyokong dapatan ini dan berpendapat bahawa isu kekangan masa mempunyai hubungan yang kuat dengan faktor bebanan kerja guru. Turut disokong oleh kajian Yüzbaşıoğlu dan Babadoğan (2016) di mana guru dalam kajiannya berasa bahawa amalan LS mungkin tidak dapat dikekalkan apabila melihat kepada jumlah masa yang diperlukan untuk guru mengadaptasikannya ke dalam pengajaran harian.

Dalam pada itu, Cajkler dan Wood (2016) menyatakan bahawa tekanan disebabkan masa yang tidak mencukupi akan memberi masalah kepada kelestarian amalan LS. Disebabkan oleh kekurangan masa juga menyebabkan guru sukar mengikuti pelan yang dirancang dan tidak suka membuat rancangan pengajaran. Mereka mempunyai tanggungjawab lain yang perlu diberikan perhatian iaitu keluarga dan sekolah dan hanya mampu menyusun aktiviti Pdp menggunakan buku manual guru (Thephavongsa, 2018). Namun begitu, kajian Fernandez dan Yoshida (2004) mendapati bahawa isu kekurangan masa tidak wujud dalam pelaksanaan LS di Jepun. Ini adalah kerana ia sudah sedia dimaktubkan dalam program sekolah. Kesimpulannya, faktor kekurangan masa mungkin dapat diselesaikan sekiranya LS dimasukkan dalam aktiviti sekolah dan bebanan kerja guru yang tidak berkenaan dengan tugas hakiki guru diambil alih oleh pihak lain untuk memastikan tumpuan terhadap pembelajaran murid lebih optimum.

Cabaran dari segi sekolah iaitu pentadbiran dan fasiliti turut dibangkitkan. Fasiliti dan infrastruktur logistik sekolah yang terbatas menyebabkan pengaplikasian rancangan mengajar dalam proses LS tidak dapat dilakukan seperti yang dirancang untuk mendapatkan hasil yang diinginkan (Coenders & Verhoef, 2018; Kanellopoulou & Darra, 2018). Sebagai contoh, Guru dalam kajian Coenders dan Verhoef (2018) berpendapat bahawa kumpulan kolaboratif pelajar lebih efektif jika mempunyai empat ahli, namun perlu dikurangkan menjadi 3 ahli sahaja kerana terdapat kekurangan pada meja makmal. Dapatan ini turut disokong oleh kajian Marsigit et al. (2019) di mana gurunya dalam kajiannya berpendapat bahawa fasiliti media di sekolah yang ingin digunakan untuk mengaplikasikan LS tidak mencukupi kerana sekolah sukar untuk mendapat sumbangan yang cukup. Selain itu, guru juga turut merasakan bahawa amalan LS tidak disokong oleh pentadbiran sekolah, persatuan guru, dan departmen pendidikan daerah. Masalah ini menyekat LS daripada diamalkan secara berterusan (Ogegbo, Gaigher & Salagaram, 2019; Ozdemir, 2019).

Tambahan lagi, Kajian Keong, Ghani, & Abdullah (2018) juga turut menyatakan bahawa terdapat sekolah-sekolah yang tidak disokong oleh pentadbirannya, malah bersifat kurang terbuka. Sebagai langkah untuk meningkatkan profesionalisme guru, pentadbiran sekolah perlu memberi galakan supaya guru-guru lebih bermotivasi dan bersemangat untuk mereka mengamalkan LS ini secara kerap dan berterusan. Jika tiada sokongan daripada pihak atasan sekolah, maka usaha dan masa yang diperuntukkan kepada LS ini tidak akan membuahkan hasil yang diimpikan (Ozdemir, 2019).

Cabaran dari faktor guru

Beberapa cabaran juga didapati dalam pendekatan pengajaran guru, antaranya ialah guru kurang jelas dalam memberikan arahan kepada pelajar (Coenders & Verhoef, 2018; Thephavongsa, 2018). Salah seorang guru telah menyedari bahawa beliau mengalami masalah dalam memberi arahan. Beliau berpendapat bahawa cara guru memberi arahan amat penting bagi memastikan pelajar dapat membuat tugas dengan betul dan dalam memperkenalkan sesuatu strategi. Oleh itu, arahan haruslah jelas supaya pelajar memahami dan melakukan dengan betul apa yang guru mahukan dan tahu bagaimana untuk melakukannya (Coenders & Verhoef, 2018). Dalam amalan LS ini juga, telah didapati juga bahawa guru-guru cenderung untuk mengamalkan pembelajaran tradisional berpusatkan guru dengan memberi pengajaran bercorak '*chalk-and-talk*' terutamanya dalam kalangan guru berpengalaman berbanding guru yang di tahap permulaan (Coenders & Verhoef, 2018). Walau bagaimanapun, peserta kajian ini berfikir positif bahawa tabiat mengamalkan pembelajaran berpusatkan guru boleh diatasi melalui usaha dan masa.

Isu pendekatan pengajaran guru yang lain pula ialah guru kurang spontan dalam proses pengajaran (Kanellopoulou & Darra, 2018). Dalam pada itu, dalam kajian Ozdemir (2019) pula yang mengkaji amalan LS guru di Turki, seorang guru bahasa didapati mengalami masalah untuk melakukan LS dalam kalangan pelajar heterogenous, iaitu dari segi tahap

mereka dan pelajar asing yang kurang memahami bahasa yang digunakan. Namun begitu, murid ini menunjukkan minat dan turut serta apabila guru menyelitkan aktiviti seperti drama dan bercerita (naratif). Pengajaran berpusatkan murid seperti drama dapat menarik minat dan menjadikan mereka lebih aktif dalam sesi PdP, juga dapat memberi peningkatan kemahiran berkomunikasi murid dan kemahiran bahasa kerana ia melibatkan kerjasama dan komunikasi sesama murid (Altun, 2019). Dalam amalan LS, kolaboratif dapat mengurangkan isolasi guru (Jobert, Callaghan, & Engelbrecht, 2020) dan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran mereka boleh diperhatikan oleh ahli kumpulan dan kemudian cuba untuk mencari jalan penyelesaian bagi masalah tersebut bersama-sama dalam sesi refleksi. Dalam memastikan keberkesanan pengaplikasian pelan pembelajaran LS pula, guru perlulah kreatif dalam pengajaran mereka dengan mengaitkan isi pengajaran dengan isu-isu semasa dan juga perkara-perkara yang mereka ketahui supaya ilmu pengetahuan lebih mudah untuk difahami. Pengelibatan aktif pelajar dalam sesi PdPc juga memberikan pembelajaran yang lebih bermakna dan berkesan serta turut juga dapat mengasah kemahiran sosial dan insaniah pelajar.

Pengetahuan guru memainkan peranan yang besar dalam proses LS. Menurut Ma'rufi dan Ilyas (2019), pengetahuan kandungan guru sangat penting bagi menjayakan proses pembelajaran murid serta mengekalkan minat mereka terhadap pengajaran guru. Kekurangan dalam aspek ini akan mempengaruhi pembelajaran dan prestasi pelajar. Sebagai contoh dalam kajian Ogegbo, Gaigher, dan Salagaram (2019), kesalahan dalam konsep medan magnet ketika sesi pengajaran tidak diketengahkan dalam sesi refleksi guru. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat isu kekurangan pemahaman guru dalam konsep pengajaran mereka. Dalam fenomena ini, guru-guru tidak dapat memberi sokongan untuk menambah baik pemahaman dan pengajaran sesama ahli kumpulan kolaboratif disebabkan oleh kekurangan pengetahuan kandungan yang menyebabkan guru tidak sedar kesalahan yang dilakukan oleh ahli kumpulan kolaboratifnya dalam proses pengajaran. Oleh kerana itu, pengetahuan kandungan begitu penting untuk meningkatkan pencapaian pelajar dan mengelakkan daripada wujudnya salah faham (*misconception*) yang tidak diperbetulkan dalam pembelajaran murid.

Walaupun LS membantu meningkatkan pengetahuan kandungan guru, peningkatannya adalah hasil daripada usaha guru untuk menambah baik pengetahuan kandungan mereka menerusi proses LS dan memahami tahap pengetahuan pelajar (Fernandez & Yoshida 2001; Nuha, Waluya & Junaedi, 2018). Menurut Boz dan Belge-Can (2020), semakin banyak guru melalui refleksi dengan kritikal, pengetahuan kandungan mereka bertambah baik. Terdapat juga isu guru kurang berpengetahuan dalam LS. Mereka tidak mahir dalam teknik mengajar, kurang berpengetahuan dalam membuat rancangan pelajaran, mempunyai masalah dalam pendekatan kaedah pengajaran, dan kemahiran menguruskan masa (Bozkurt & Yetkin-Özdemir, 2018; Thephavongsa, 2018). Dalam isu ini, pakar atau *knowledgable other* adalah penting dalam amalan LS untuk memberi tunjuk ajar serta berkongsi pengetahuan bersama guru-guru. Guru-guru perlu menyedari bahawa mereka perlu memberi input pembelajaran yang betul, oleh itu kehadiran pakar dalam bidang atau guru pakar dalam proses LS adalah penting (Lucenario et al., 2016). Dapatan kajian Huang, Barlow, dan Haupt (2017) menunjukkan peranan pakar adalah signifikan dan penting

dalam proses LS sebagai fasilitator. Mereka memberikan maklum balas dan cadangan yang mengaitkan situasi pengajaran dengan kajian-kajian, seterusnya dapat merangsang peningkatan profesionalisme guru.

LS adalah pendekatan yang perlu dilakukan secara kolaboratif kerana ia melibatkan gabungan kumpulan guru dan pakar dalam proses i) perancangan matlamat pengajaran, ii) penyediaan rancangan pengajaran, iii) pelaksanaan dan pemerhatian dalam sesi pengajaran, iv) refleksi pengajaran, dan v) pengubahsuaian rancangan mengajar, seterusnya vi) melaksanakan rancangan mengajar yang telah diubahsuaikan sekiranya perlu (KPM, 2019; Lucenario et al., 2016). Elemen yang penting dalam LS adalah kolaboratif, iaitu kerjasama ahli kumpulan bagi mencapai sesuatu matlamat. Terdapat beberapa cabaran guru yang dikenal pasti dalam berkolaboratif iaitu masalah untuk mengekalkan kerjasama akibat ketidakhadiran ahli serta perspektif yang negatif terhadap LS (Wolthuis et al., 2020; Kanellopoulou & Darra, 2018). Kesukaran untuk mengekalkan kerjasama dan penyertaan semua guru dalam sesuatu kumpulan menyebabkan guru yang lain hilang motivasi dan tidak bercadang untuk meneruskan amalan LS. Selain itu, menurut Mon, Dali, dan Sam (2016), perspektif negatif terhadap LS juga boleh terjadi jika amalan itu mengganggu rutin peribadi guru. Namun, ada guru yang berpendapat bahawa ia berbalik kepada sikap guru juga yang sepatutnya membuat perancangan awal jika dikehendaki untuk melaksanakan LS pada masa yang mengganggu rutinnnya. LS dilihat sukar untuk dijalankan dengan efektif, melainkan sekolah memberi ruang kepada guru-guru untuk melaksanakannya dalam waktu persekolahan yang tidak mengganggu rutin lain.

Cabaran lain yang dihadapi oleh guru adalah masalah dari segi estim sendiri. Estim sendiri bermaksud kepercayaan dan persepsi diri sendiri tentang bagaimana ia dihargai oleh orang lain. Estim sendiri yang lemah menunjukkan seseorang itu berasa takut, kurang keyakinan diri, dan bersifat mengkritik diri sendiri (Palermi et al., 2017). Estim sendiri yang lemah juga membataskan penglibatan guru dalam LS yang efektif kerana wujudnya perasaan takut dikritik serta tidak selesa apabila pengajarannya diperhatikan (Ogegbo, Gaigher & Salagaram, 2019; Kanellopoulou & Darra, 2018). Guru perlu faham bahawa LS adalah sepatutnya berfokus kepada pembelajaran murid dan bukan untuk mencari kesalahan dan menghukum guru (Iksan, 2017) supaya perasaan takut diperhatikan ketika sesi pengajaran tidak berlaku dan tidak mengganggu proses LS. Dengan memahami konsep ini, guru-guru akan lebih berkeyakinan untuk melaksanakan pendekatan LS dan lebih terbuka untuk menerima sebarang sumbang saran yang diutarakan. Sokongan dan dorongan sesama ahli kumpulan dan suasana kolaborasi yang positif juga akan menambahkan keyakinan diri dan semangat mereka.

Setiap usaha yang dijalankan dalam meningkatkan kualiti pendidikan ke tahap yang lebih tinggi dan terkemuka di mata dunia sememangnya mempunyai pelbagai cabaran yang perlu diharungi. Dengan memahami cabaran-cabaran yang dilalui oleh guru-guru, kaedah atau

penyelesaian masalah dapat dilakukan dan haruslah disesuaikan dengan budaya dan corak pendidikan di Malaysia.

Implikasi Kajian

Sorotan kajian ini dapat menyerlahkan jurang kajian yang boleh dikaji pada masa akan datang mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru-guru dalam kajian pembelajaran (*Lesson Study*) di peringkat dalam dan luar negara. Hal ini adalah supaya langkah-langkah penambahbaikan dapat dilakukan secara keseluruhan dengan mengambil kira kesemua cabaran yang dihadapi oleh guru-guru. Implikasi kajian ini diharap dapat membekalkan sumber rujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, PPD, Bahagian Pendidikan Guru, serta pihak-pihak dalam pendidikan di Malaysia bagi melakukan penambahbaikan yang berterusan.

Kesimpulan Kajian

Hasil carian artikel menggunakan PRISMA mendapati sembilan artikel yang sesuai bagi kajian ini. Daripada kesemua artikel yang dikaji, cabaran yang dihadapi oleh guru dalam LS adalah isu kekangan masa, fasiliti dan pentadbiran sekolah, pendekatan pengajaran guru, pengetahuan kandungan pedagogi guru (PCK), kolaboratif guru, dan estim sendiri guru. Rata-rata rujukan kajian lain menyokong dapatan kajian ini, kecuali terdapat perbezaan pada isu kekangan masa di mana amalan LS di Jepun tidak mengalami masalah dari segi masa berbanding dengan LS di negara-negara lain.

Rujukan

- Ade, S. (2014). The English teacher's perception of lesson study. 8th WALS International Conference, 1-4.
- Altun, M. (2019). Drama: a neglected source in language teaching to improve communication. *International Journal of English Linguistic*, 9(5), 242-248. DOI:10.5539/ijel.v9n5p242.
- Boz, Y. & Belge-Can, H., (2020). Do pre-service chemistry teachers' collective pedagogical content knowledge regarding solubility concepts enhance after participating in a microteaching lesson study?. *Science Education International*, 31(1), 29-40. DOI: <https://doi.org/10.33828/sei.v31.i1.4>.
- Bozkurt, E. & Yetkin-Özdemir, I. E. (2018). Middle school mathematics teachers' reflection activities in the context of lesson study. *International Journal of Instruction*, 11(1), 379-394. DOI: <https://doi.org/10.12973/iji.2018.11126a>.
- Cajkler, W. & Wood, P. (2016). Adapting 'lesson study' to investigate classroom pedagogy in initial teacher education: what student teachers think. *Cambridge Journal of Education*, 46(1), 1-18. DOI: <http://dx.doi.org/10.1080/0305764X.2015.1009363>.

- Cajkler, W., Wood, P., Norton, J., Pedder, D., & Xu, H. (2014). Teacher perspectives about lesson study in secondary school departments: a collaborative vehicle for professional learning and practice development. *Professional Development in Education*, 30(2), 192-213. DOI: <http://dx.doi.org/10.1080/02671522.2014.887139>.
- Chong, J. S. Y., Han, S. H., Abdullah, N. A., Chong, M. S. F., Widjaja, W., & Shahrill, M. (2017). Utilizing lesson study in improving year 12 students' learning and performance in mathematics. *Mathematics Education Trends and Research 2017*, 1, 24-31. DOI: 10.5899/2017/metr-00095.
- Coenders, F. & Verhoef, N. (2018). Lesson study: professional development (PD) for beginning and experienced teachers. *Professional Development in Education*. DOI: <https://doi.org/10.1080/19415257.2018.1430050>.
- Dogan, S., Pringle, R., & Mesa, J. (2016). The impact of professional learning communities on science teachers' knowledge, practice, and student learning: a review. *Professional Development in Education*, 42(4), 569-588. DOI: <https://doi.org/10.1080/19415257.2015.1065899>.
- Fernandez, C. & Yoshida, M. (2004). Lesson study: A Japanese approach to improving mathematics teaching and learning. *Mahwah NJ: Lawrence Erlbaum Associates*. dalam Mon, C. C., Dali, M. H., & Sam, L. C. (2016) Issues relating to the implementation of lesson study in the Malaysian education context. *IOSR Journal of Research & Method in Education (IOSR-JRME)*, 6(3)(1), 77-85. DOI: 10.9790/7388-0603017785.
- Fernandez, C. & Yoshida, M. (2001). Lesson study as a model for improving teaching: insights, challenges, and a vision for the future. *Eye of The Storm: Promising Practices for Improving Instructions*. Dalam Mon, C. C., Dali, M. H., & Sam, L. C. (2016) Issues relating to the implementation of lesson study in the Malaysian education context. *IOSR Journal of Research & Method in Education (IOSR-JRME)*, 6(3)(1), 77-85. DOI: 10.9790/7388-0603017785.
- Ghazali, N. H. C. M. & Zakaria, E. (2010). Perkembangan profesional ke arah pembangunan modal insan guru: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Holmqvist, M. (2011). Teachers' learning in a learning study. *Instr Sci*, 39, 497-511.
- Huang, R., Barlow, A. T., & Haupt, M. E. (2017). Improving core instructional practice in mathematics teaching through lesson study. *International Journal for Lesson and Learning Studies*, 365-379. DOI: <https://doi.org/10.1108/IJLLS-12-2016-0055>.
- Iksan, Z. H. (2017). *Pembelajaran Kolaboratif Guru*. Zanaton Hj. Iksan. UKM Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail, S. N., Abdullah, Z., Komariah, A., Kurniatun, T. C., Kurniady, D. A., Sunaengsih, C., Sanjaya, A. J. (2020). Influence of the Professional Learning Community of Malay Language teachers at the transformation school in Selangor. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 12(6), 236-254.

- Jita, L. C. & Ige, O. A. (2019). South African teachers' mathematical knowledge: reflections from Short Learning Intervention Program (SLIP). *Problems in Education in the 21st Century*, 77(6), 705-721. DOI: <https://doi.org/10.33225/pec/19.77.705>.
- Joubert, J., Callaghan, R., & Engelbrecht, J. (2020). Lesson study in a blended approach to support isolated teachers in teaching with technology. *ZDM*. DOI: <https://doi.org/10.1007/s11858-020-01161-x>.
- Kanellopoulou, E. M. & Darra, M. (2018). The implementation of the lesson study approach to secondary education in Greece: the case of the literature lesson. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 17(7), 94-105. DOI: <https://doi.org/10.26803/ijlter.17.7.6>.
- Katz, J. (2014). Implementing the three block model of universal design for learning: effects on teachers' self-efficacy, stress, and job satisfaction in inclusive classroom k-12. *International Journal of Inclusive Education*, 19(1), 1-20.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *KIT PLC Professional Learning Community (Komuniti Pembelajaran Profesional)*. EMR Creative Sdn Bhd.
- Keong, C. C., Ghani, M. F. A., & Abdullah, Z. (2017). Amalan komuniti pembelajaran profesional (KPP) di sekolah berprestasi tinggi (Sbt) Malaysia: sebuah sekolah jenis kebangsaan cina (SJKC) di Sarawak. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(1), 43-70.
- Keong, C. C., Ghani, M. F. A., & Abdullah, Z. (2018). Cabaran amalan komuniti pembelajaran dalam kalangan guru sekolah rendah berprestasi tinggi Malaysia. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 7(3), 35-48.
- Kim, V., Douch, M., Thy, S., Yuenyong, C., & Thinwiangthong, S. (2019). Challenges of implementing lesson study in Cambodia: mathematics and science teaching by using lesson study at Happy Chandara School. *Journal of Physics: Conference Series*, 1-4. DOI: [doi:10.1088/1742-6596/1340/1/012071](https://doi.org/10.1088/1742-6596/1340/1/012071).
- Ku Ahmad, R. (2005). Mengukur keberkesanan sekolah: Satu perspektif daripada kerangka konsep "The Balanced Scorecard". *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, 15 (01), 63-79.
- Lewis, C. C. & Hurd, J. (2011). *Lesson study step by step: how teacher learning communities improve instructions*. Portsmouth: Heinemann.
- Lucenario, J. L. S., Yangco, R. T., Punzalan, A. E., Espinosa, A. A. (2016). Pedagogical content knowledge-guided lesson study: eects on teacher competence and students' achievement in Chemistry. *Education Research International*.
- Ma'rufi & Ilyas, M. (2019). Pedagogical content knowledge (PCK) among mathematics teachers on function materials through lesson study in junior high school. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 9(1), 135-156.
- Mahmood, H. (2008). *Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Marsigit, Retnawati, H., Sugiman, & Ningrum, R. K. (2019). Teachers' readiness in implementing lesson study. *Journal of Physics: Conference Series*. DOI: doi:10.1088/1742-6596/1320/1/012079.
- Mon, C. C., Dali, M. H., & Sam, L. C. (2016). Issues relating to the implementation of lesson study in the Malaysian education context. *IOSR Journal of Research & Method in Education (IOSR-JRME)*, 6(3)(1), 77-85. DOI: 10.9790/7388-0603017785.
- Norashid, O. & Hamzah, M. O. (2014). Beban tugas dan motivasi pengajaran guru di sekolah menengah daerah Ranau. *Jurnal Pemikir Pendidikan (Journal for Educational Thinkers)*, 5, 35-37.
- Nuha, M. Z., Waluya, S. B., & Junaedi, I. (2018). Mathematical creative process Wallas Model in students problem posing with lesson study approach. *International Journal of Instruction*, 11(2), 527-538. DOI: <https://doi.org/10.12973/iji.2018.11236a>.
- Ogegbo, A. A., Gaigher, E., & Salagaram, T. (2019). Benefits and challenges of lesson study: a case of teaching physical sciences in South Africa. *South Africa Journal of Education*, 39(1), 1-9. DOI: <https://doi.org/10.15700/saje.v39n1a1680>.
- ÖZDEMİR, M. S. (2019). Implementation of the lesson study as a tool to improve students' learning and professional development of teachers. *Participatory Educational Research (PER)*, 6 (1), 36-53. DOI: <http://dx.doi.org/10.17275/per.19.4.6.1>.
- Palermi, A. L., Servidio, R., Bartolo, M. G., & Costabile, A. (2017). Cyberbullying and self-esteem: an Italian study. *Computers in Human Behaviour*. DOI: doi: 10.1016/j.chb.2016.12.026.
- PRISMA. (2015). Welcome to the Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA) website!. <http://www.prisma-statement.org/> [24 April 2020]
- Rochintaniawati, D., Riandi, R., Kestianty, J., Kindy, N., & Rukayadi, Y. (2019). The analysis of biology teachers' technological pedagogical content knowledge development in lesson study in West Java Indonesia. *Jurnal Pendidikan IPA Indonesia*, 8(2), 201-210. DOI: 10.15294/jpii.v8i2.19303.
- Settaraming, Mohd. A. R., & Lokman, M. T. (2012). Peranan kepimpinan pengetua sekolah dalam membina pembelajaran berpasukan guru di sekolah menengah daerah Soppeng. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 37(2),1-9.
- Stigler, J. & Hiebert, J. (2009). The closing teaching gap. *Phi Delta Kappan*, 91(3), 32-37.
- Supovitz, J.A., Turner, H. M. (2000). The effects of professional development on science teaching practices and classroom culture. *Journal of Research in Science Teaching*, 37(9), 963-980.

- Tan, A. L., Wong, K. W., Ooi, S. Y., Zulfkuli, M., The, H. L., Latifah, J., Muniandy, V., Azmi, A. H., & Saripah, R. S. A. (2017). Lesson study: amalan berkolaborasi untuk pembelajaran di institut pendidikan guru. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 12, 111-127.
- Thephavongsa, S. (2018). Enhancing the teaching skills of the multi-grade teachers through lesson study. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 17(4), 71-87.
- Vossen, T. E., Henze, I., De Vries, M. J., & Van Driel, J. H. (2019). Finding the connection between research and design: the knowledge development of STEM teachers in a professional learning community. *International Journal of Technology and Design Education*.
- Wolthuis, F., van Veen, K., DE Vries, S., & Hubers, M. D. (2020). Between lethal and local adaptation: lesson study as an organizational routine. *International journal of educational research*, 100, 101534.
- Yüzbaşıoğlu, S. & Babadoğan, C. (2016). Recommendation of participating teachers on the application of lesson study in Turkey. *Journal of Education and Future*, 9, 101-122.
- Zainuddin, S. H. A. & Iksan, Z. H. (2019). Sketching engineering design in STEM classroom: a systematic review. *Creative Education*, 10, 2775-2783.
- Zainuddin, S. H. A. & Iksan, Z. H. (2019). Sketching engineering design in STEM classroom: a systematic review. *Creative Education*. 10, 2775-2783.